



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala Bekalan Pejabat dan Alatulis [Tidak termasuk borang dan semua jenis kertas - (020601)] bagi menyertai sebutharga berikut:

NO. SEBUTHARGA	SEBUTHARGA
SUK/KN/NO. : 01/2023	Membekal Dakwat Pencetak Komputer dan Mesin Faks Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tempoh Mei 2023 Sehingga Disember 2024

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **02.05.2023** hingga **15.05.2023** di Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kewangan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Aras 3, MABNA-MBI (Blok 8), Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan dengan menunjukkan **PERAKUAN PENDAFTARAN AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM), SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan menyerahkan satu (1) salinan (fotostat) siji-sijil berkenaan semasa membeli Borang Sebutharga. Borang Sebutharga bernilai **RM50.00**.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan Tajuk serta No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, MABNA-MBI (Blok 8), Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan** sebelum atau pada jam **12.00** tengah hari bertarikh **15.05.2023 (Isnin)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah/tinggi atau pun mana-mana tawaran.

